


**PETIKAN TULISAN
SUCI UNTUK
DIHAFAL:**

Ia hanya memperbutkan yang sia-sia dan menimbun, tetapi tidak tahu, siapa yang meraupnya nanti.

(Mazmur 39:6)



Bacaan pertama dimulakan dengan peringatan: "Kesia-siaan belaka, kata Pengkhotbah, segala sesuatu adalah sia-sia." Pengkhotbah menyeru kita untuk mengingati Allah dalam semua yang kita lakukan. Dia mengingatkan kita bahawa akan ada kesudahan bagi semua ciptaan. Dia juga mengingatkan kita bahawa **matlamat utama di dunia ini adalah untuk berjalan terus ke surga.**

Dalam bacaan kedua, Santo Paulus jelas membezakan kehidupan yang benar, iaitu kehidupan yang dijalani dalam Kristus, daripada kehidupan yang dijalani di luar Kristus. Tanpa segan silu, Dia mengingatkan kita bahawa kita mesti berada di surga di mana Kristus adalah segala-galanya. Santo Paulus memberitahu kita: "Matikanlah dalam dirimu segala sesuatu yang duniawi". Ini hanyalah satu panggilan untuk mengubah hidup kita, panggilan kepada kesucian hidup, dan panggilan untuk kekal teguh.

Dalam Injil, Yesus berbicara kepada kita seperti yang Dia lakukan kepada orang di antara orang banyak itu: "Berjaga-jagalah dan waspadalah terhadap segala ketamakan, sebab walaupun seorang berlimpah-limpah hartanya, hidupnya tidaklah tergantung dari pada kekayaannya itu." Mengejar kekayaan dan keseronokan dunia ini telah membutakan kita kepada realiti bahawa kita adalah peziarah di muka bumi ini.

Ketamakan adalah salah satu daripada tujuh dosa besar. Thomas Aquinas berkata: "Barang-barang sementara tunduk kepada manusia, supaya dia boleh menggunakannya mengikut keperluannya, bukan untuk menjadikannya sebagai tujuan utamanya, atau terlalu bimbang tentangnya." Semakin kita meletakkan harapan pada perkara-perkara dunia ini, semakin kita kehilangan pandangan akan surga. Ini kerana: "Di mana harta seseorang, di situ ada jiwanya."

Oleh itu, marilah kita menumpukan mata dan fikiran kita kepada perkara-perkara surga, dan bukan kepada perkara-perkara yang sia-sia di bumi ini. Hanya dengan kekal fokus kepada Kristus dan taat kepada-Nya kita boleh mengharapkan untuk kekal sebagai garam dan terang di dunia. +

**AYAT SUCI
MINGGU INI**

Pengkhotbah 1: 2, 2:
21-23;

Mazmur 89: 3-6,
12-14, 17;

Kolose 3: 1-5, 9-11;

Lukas 12: 13-21.

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-18

GARAM DAN TERANG DUNIA: PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI

FOKUS BULANAN:
HARI DATUK NENEK DAN WARGA TUA SEDUNIA (24 Julai)

Semuanya Sia-sia

Kita berada dalam dunia yang sementara dan dipanggil untuk menggunakan perkara-perkara dunia ini secara berhemah tanpa kehilangan matlamat utama kita. Hanya apabila kita menjadikan surga sebagai matlamat kita barulah makna penuh kehidupan akan didedahkan dan direalisasikan.

